

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 7 MAC 2015 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Malaysia kini berada di fasa akhir Monsun Timur Laut	Harian Metro
2	RHB Islamic, MTDC bantu PKS teknologi	Utusan Malaysia
3	RHB Islamic, MTDC urus dana RM150j	Berita Harian
4	Bioalpha mahu masuki pasaran AS, Eropah	Utusan Malaysia
5	MTDC, RHB Islamic bekerjasama dalam pembiayaan PKS berdasarkan teknologi bumiputera	Bernama.com
6	MTDC sees opportunity to provide funding for Sarawakian tech firms	Borneo Post Online

**KERATAN AKHABAR TEMPATAN  
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 46  
TARIKH: 7 MAC 2015 (SABTU)**

**Kuala Lumpur**

**Malaysia kini berada di fasa  
akhir Monsun Timur Laut**

Kebanyakan kawasan utara Pantai Barat Semenanjung pada masa ini kurang menerima hujan dalam tempoh yang panjang kerana Malaysia kini berada di fasa akhir Monsun Timur Laut yang dijangkakan berakhir menjelang akhir bulan ini.

**Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (Met-Malaysia) Datuk Che Gayah Ismail** berkata, keadaan itu menyebabkan keadaan cuaca agak panas dan kering.

“Bagaimanapun cuaca panas dan kering ini bukanlah sesuatu yang luar biasa memandangkan suhu yang direkodkan di kebanyakan stesen pencerapan Met-Malaysia menunjukkan ianya masih berada dalam julat normal,” katanya.

Menurutnya keadaan cuaca di seluruh negara pada minggu depan, diramalkan tidak berubah dengan hujan dan ribut petir di satu dua tempat di negeri Pantai Barat Semenanjung, seluruh Sarawak dan seluruh Sabah pada waktu lewat petang dan senja.

Katanya, keadaan itu kadangkala diramalkan berlanjutan hingga ke waktu malam dan jangkaan hujan sepanjang bulan ini di kawasan Semenanjung pula adalah pada paras purata dengan jumlah hujan sehingga 300mm hampir di semua kawasan.

# RHB Islamic, MTDC bantu PKS teknologi

Oleh NABILA YASMIN RAZIB

ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 6 MAC

RHB Islamic Bank (RHB Islamic) dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) menandatangani perjanjian usahasama bagi menyediakan pembiayaan kepada syarikat bumiputera yang berteraskan teknologi di bawah Dana Pengembangan Perniagaan Bumiputera (BEF).

Timbalan Pengarah Urusan RHB Banking Group, Datuk Khairussaleh Ramli berkata, menerusi perjanjian berkenaan, RHB Islamic akan menjadi penjaga dana yang akan diletakkan di dalam akaun Commodity Murabahah Deposit-I.

Ujarnya, dana tersebut bakal meningkatkan pembiayaan sehingga RM300 juta bagi syarikat bumiputera yang layak.

“Di bawah BEF yang diumumkan kerajaan, MTDC menguruskan dana sebanyak RM150 juta yang diamanahkan kerajaan melalui Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju), jadi dengan kerjasama kita pada hari ini ia dapat membantu syarikat terbabit untuk meningkatkan pembiayaan bagi mengembangkan perniagaan mereka,” katanya selepas menandatangani perjanjian tersebut di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif MTDC, Datuk Nurhalim Yunus.

Sementara itu, Nurhalim berkata, sejak ditubuhkan pada 1992,



**NORHALIM YUNUS** (dua dari kanan) bertukar-tukar dokumen dengan Khairussaleh Ramli pada Majlis Menandatangani Perjanjian Kerjasama antara RHB Islamic dan MTDC di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FARID JANUDIN

MTDC telah membantu lebih 600 syarikat teknologi bumiputera mengembangkan perniagaan mereka.

“Di bawah program pembiayaan ini, syarikat-syarikat yang kita bantu telah berjaya merekodkan jualan sebanyak RM1.8 bilion, mewujudkan 250 pekerjaan baharu dan memfailkan lebih 500 hak harta intelek,” katanya.

Ujarnya, MTDC akan terus komited membantu perusahaan ke-

cil dan sederhana (PKS) bumiputera dalam bidang teknologi untuk menjadi lebih inovatif sesuai dengan kehendak pasaran.

“Justeru, kami berbesar hati menjalankan kerjasama dengan RHB Islamic bagi membantu PKS menjadi lebih maju dan berdaya saing,” katanya.

Sementara itu, RHB Banking Group mengunjurkan pertumbuhan bagi segmen pembiayaannya sebanyak 10 peratus bagi tahun ini.

**KERATAN AKHABAR TEMPATAN  
BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT B5  
TARIKH: 7 MAC 2015 (SABTU)**

# RHB Islamic, MTDC urus dana RM150j

» Kerjasama bawah Dana Pengembangan Bumiputera PKS

Oleh Ahmad Fiesal Othman  
fosal@bh.com.my

**R**HB Islamic Bank Bhd menjadi bank pertama menjalin kerjasama dengan Malaysian Technology Development Corporation Sdn Bhd (MTDC) bagi menawarkan perkhidmatan pembiayaan di bawah Dana Pengembangan Bumiputera (BEF).

BEF ialah inisiatif yang diwujudkan oleh kerajaan menerusi Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) untuk menyokong perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Bumiputera berdasarkan teknologi

dengan menyediakan kemudahan dana untuk mereka mengembangkan operasi di dalam dan luar negara.

Pengarah Urusan RHB Islamic, Ibrahim Hassan, berkata menerusi kerjasama itu RHB Islamic dan MTDC akan sama-sama menguruskan BEF yang diperuntukkan dengan dana berjumlah RM150 juta.

**RHB Islamic penjaga dana**

Beliau berkata, RHB Islamic akan menjadi penjaga dana berkenaan yang akan diletakkan di dalam akaun Deposit-i Murabahah Komoditi RHB Islamic Bank (CMD-i).

"Dana itu dijangka akan memberi pembiayaan berjumlah sekurang-kurangnya RM300 juta kepada syarikat Bumiputera yang layak," katanya pada majlis memeterai kerjasama antara RHB Islamic dengan MTDC di Kuala Lumpur, semalam. Yang turut hadir Pengarah

Urusan RHB Bank Bhd, Datuk Khairussaleh Ramli dan Ketua Pegawai Eksekutif MTDC, Datuk Norhalim Yunus.

Ibrahim berkata, kerjasama itu ialah platform tepat untuk memacu pertumbuhan perniagaan RHB Islamic di dalam dan di luar negara.

**Tawar faedah unik**

Sementara itu, Norhalim berkata, kerjasama itu menawarkan faedah unik kepada syarikat berdasarkan teknologi tempatan untuk mengembangkan perniagaan di dalam dan luar negara.

"Antara keunikannya ialah pembiayaan maksimum disediakan oleh MTDC bagi setiap permohonan ialah RM15 juta, manakala RHB Islamic akan menyediakan pembiayaan tambahan dengan jumlah sekurang-kurangnya sama dengan pembiayaan MTDC," katanya.



**“**  
*Dana ini dijangka akan memberi pembiayaan berjumlah sekurang-kurangnya*

**RM300 juta kepada syarikat Bumiputera yang layak”**

*Ibrahim Hassan,  
Pengarah Urusan  
RHB Islamic*

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 17**  
**TARIKH : 7 MAC 2015 (SABTU)**

## Bioalpha mahu masuki pasaran AS, Eropah

**BANGI 6 Mac** -Bioalpha Holdings Berhad (Bioalpha) mahu memasuki pasaran Amerika Syarikat (AS) dan Eropah tahun ini setelah produknya berjaya dipasarkan ke negara-negara ASEAN, China dan Australia.

Pengarah Urusannya, William Hon Tian Kok berkata, pada suku kedua tahun ini, lebih 20 produk Bioalpha juga akan memasuki 25 pasar raya di Emiriyah Arab Bersatu (UAE) setelah mendapat kelulusan daripada Jabatan Kesihatan Dubai.

Katanya, kerjasama dengan syarikat UAE, Fatimah Group yang dian datangkan tahun lalu itu merupakan langkah awal Bioalpha untuk men guasai pasaran luar dengan lebih luas.

“Kami optimis dengan sasaran pasaran baharu bagi produk Bioalpha. Setakat ini, produk kami telah berada di Indonesia, Vietnam, Kemboja, Hong Kong dan Australia,” katanya selepas lawatan ke kilang Bioalpha di sini hari ini.

Perbadanan Nasional Berhad (PNS) dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) merupakan dua pemegang saham utama Bioalpha. Setakat ini, Bioalpha telah mengeluarkan 50 produk di bawah jenama Apotec dan NuShine.

Bioalpa turut memiliki dua la deng tanaman herba di Pasir Raja,



**WILLIAM** Hon Tian Kok (kanan) dan Pengarah Eksekutif BioAlpha International Sdn. Bhd., Eddie Ho (kiri) bersama produk keluaran Bioalpha ketika lawatan media ke kilang itu di Bangi, Selangor, semalam.

Terengganu seluas 404.69 hektar dan Desaru, Johor pula 121.41 hektar.


Dalam pada itu, menurut Tian Kok, syarikat juga bercadang untuk disenaraikan di Bursa Malaysia pada suku kedua tahun ini.

Katanya, penyenaraian tersebut penting kepada Bioalpha sebagai satu daripada strategi untuk mengumpul modal ekuiti bagi mengem

bangkan operasi perniagaan, ka pasiti pengeluaran kilang dan merancakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D).

“Kami juga ingin membina reputasi yang positif terutama kepada syarikat multinasional antarabangs sa sebagai pengeluar reka bentuk asal yang mana setakat ini kami mempunyai 30 syarikat tempatan dan antarabangsa,” katanya.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 7 MAC 2015 (SABTU)**



## **MTDC, RHB Islamic Bekerjasama Dalam Pembiayaan Pks Berasaskan Teknologi Bumiputera**

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Penyedia penyelesaian modal teroka bersepadau, **Malaysia Technology Development Corporation Sdn Bhd (MTDC)** menandatangani perjanjian kerjasama dengan RHB Islamic Bank bagi menyediakan pembiayaan untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berdasarkan teknologi Bumiputera di bawah Skim Dana Pengembangan Bumiputera.

RHB Islamic merupakan cabang perbankan Islam RHB Banking Group.

**Ketua Pegawai Eksekutif MTDC Datuk Norhalim Yunus** berkata di bawah perjanjian itu, RHB Islamic akan menjadi pemegang amanah kepada dana berjumlah RM150 juta yang diamanahkan oleh kerajaan melalui Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) dan diletakkan dalam akaun deposit-i Komoditi Murabahah RHB Islamic.

Beliau berkata dana itu dijangka mengumpul sekurang-kurangnya RM300 juta untuk syarikat-syarikat Bumiputera yang layak.

"Pembiayaan maksimum yang disediakan oleh MTDC untuk setiap permohonan ialah RM15 juta manakala RHB Islamic akan menyediakan pembiayaan tambahan dengan sekurang-kurangnya sama dengan jumlah pembiayaan MTDC," katanya kepada pemberita selepas menandatangani perjanjian itu di sini Jumaat.

RHB Islamic diwakili oleh Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan RHB Banking Group Datuk Khairussaleh Ramli untuk memeterai perjanjian tersebut.

Khairussaleh berkata kerjasama tersebut merupakan platform yang sesuai untuk memacu pertumbuhan perniagaan Islamnya di peringkat tempatan dan serantau.

Beliau berkata kumpulan perbankan itu melaksanakan program transformasi baru-baru ini yang bertujuan menjadikan kumpulan itu sebagai penyedia perkhidmatan kewangan multinasional terkemuka menjelang 2020 dan meningkatkan perbankan Islam sebagai peneraju dalam perniagaan di negara ini.

"Dengan penawaran produk yang inovatif dan model pengedaran yang dipertingkatkan, kami yakin RHB Islamic akan mencapai aspirasinya untuk menjadi satu daripada bank Islam yang utama di Malaysia menjelang 2017," katanya.

Mengenai prospek perniagaan RHB Islamic, beliau berkata bank itu menjangka pertumbuhan pembiayaan yang perlana sebanyak 20 peratus pada tahun ini berbanding 37 peratus pada tahun lepas berikutan permintaan pinjaman yang rendah. Beliau berkata bank akan menumpukan kepada pembiayaan PKS pada tahun ini sebagai bidang pertumbuhan utama.

-- BERNAMA

# BORNEO POST *online*

THE LARGEST ENGLISH NEWS SITE IN BORNEO

## MTDC sees opportunity to provide funding for Sarawakian tech firms



KUCHING: **Malaysian Technology Development Corporation Sdn Bhd (MTDC)**, a wholly-owned subsidiary of Khazanah Nasional Bhd and an agency under the **Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI)** foresees opportunities to provide funding for Sarawakian technology-based companies in particular those which are involved in downstream businesses.

MTDC chief executive officer (CEO) Datuk Norhalim Yunus believes that downstream businesses in the state have huge potential to grow as industry players move up the value chain of their respective industries to further enhance their operations.

"There is a lot of potential in downstream businesses. The most obvious one for instance in the palm oil industry will be (the supply of) fertiliser."

"As companies need to grow and innovate to move up the value chain of the industry, they may require more funds for expansion."

"Besides, with their businesses growing, it will also value add to the economic growth of Sarawak," he told The Borneo Post during an interview yesterday.

He cited one of the companies which MTDC funded is Malaysian Phosphate Additives Sdn Bhd (MPA) who is currently building one of the biggest phosphate projects in Samalaju.

MTDC provides various types of funds to local companies which are promoting the adoption of technologies through commercialisation of local research and development or acquisition of foreign technologies.

Norhalim said among the funds offered include the Commercialisation of Research and Development Fund (CRDF), Technology Acquisition Fund (TAF), Business Startup Fund (BSF) Business Growth Fund (BGF) and Bumiputera Expansion Fund (BEF) to assist companies and entrepreneurs at different level of business undertaking.

On another note, herevealed that the technologies which the companies use can be from their own researches, outsourced from the research departments from public universities as well as private universities in Sarawak.

He said with the increasing number of institutions of higher learning in the state, there is more opportunities to work with the researchers here and market their technologies to local businesses.

Thus, he encouraged local companies especially technology entrepreneurs in the state that is seeking capital to take up commercialisation of indigenous technology and innovation for the mass-market roll out to leverage on the facilities provided by MTDC.

Besides, he said MTDC is also looking at exploring the possibility to collaborate with certain state government agencies to organise discussion and dialogues with businesses as well as technology entrepreneurs on ways to assist them.

In the meantime, MTDC organised a half-day roadshow at a hotel here yesterday with the aim to create more awareness among the business community here to enable them to get more information about the assistance and facilities provided by MTDC.

It was attended by researchers, entrepreneurs, members of business chambers and business associations as well as state government officials in charge of entrepreneur development.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2015/03/06/mtdc-sees-opportunity-to-provide-funding-for-sarawakian-tech-firms/#ixzz3TqooHLJx>